

# Batu Pahat, Segamat unggul perbarisan Kor Kadet Polis

**BATU PAHAT 16 Jun** - Pasukan Batu Pahat dan Segamat membuktikan keunggulan apabila dinobatkan selaku juara pertandingan perbarisan Hari Ulang Tahun Kor Kadet Polis ke-45 peringkat negeri bagi kategori lelaki dan wanita.

Kedua-dua platoon tersebut berjaya mengetepikan cabaran sengit yang dipamerkan 12 daerah lain dalam pertandingan yang diadakan di Padang Kawad Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini hari ini.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Ketua Polis negeri, Datuk Rusli Ahmad yang turut dihadiri Timbalan Ketua Polis negeri, Datuk Ismail Yatim dan Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan negeri, Yasman Jamsir.

Komander Platoon Kor Kadet Polis Wanita Segamat, Ramlah Lopez berkata, keinginan untuk mempertahankan kejuaraan yang dimenangi tahun lalu di Skudai menyebabkan pasukan mereka berusaha gigih

dalam pertandingan kali ini.

“Komitmen anggota pasukan yang sangat baik menjadi faktor utama kejayaan kami memandangkan tempoh latihan yang singkat disebabkan cuti sekolah baru-baru ini.

“Syukur kemenangan masih berpihak kepada kami walaupun tidak menyangka akan dapat mempertahankan gelaran itu apabila saingan sengit turut dipamerkan pasukan platoon lain,” katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah.

Sementara itu, Komander Platoon Lelaki Batu Pahat, Mohamad Shafarehan Mohamed berkata, pasukan yang dianggotai para pelajar Sekolah Menengah Agama (SMA) Parit Raja memberi persembahan yang berjaya menarik perhatian juri.

“Saya turut berbangga apabila melihat kerjasama dan semangat anggota yang dipamerkan sehingga membolehkan kami membaiki kedudukan dari tempat ketiga pada edisi tahun lalu kepada tempat pertama kali ini,” katanya.



**PASUKAN** Kor Kadet Polis Wanita Segamat meraikan kejayaan memenangi pertandingan perbarisan Hari Ulang Tahun Kor Kadet Polis ke-45 peringkat negeri di UTHM, Batu Pahat, Johor, semalam.